

Analisis Tafsir Tematik Ayat-ayat Al-Quran terhadap Prinsip Kesantunan Berbahasa

Thematic Analysis of Quranic Verses on the Politeness Principles

Ku Zaimah Che Ali¹ dan Mardzelah Makhsin²

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
13 NOVEMBER 2018	17 APRIL 2019	17 JULAI 2019

ABSTRAK

Kertas ini merupakan satu usaha intepretasi terhadap ayat-ayat al-Quran yang berkisar tentang pinsip amalan kesantunan berbahasa. Penemuan secara tematik adalah bagi mengetengahkan prinsip-prinsip amalan kesantunan berbahasa yang boleh dijadikan asas kepada pengukuran amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan warga pendidik terutamanya guru Pendidikan Islam. Penelitian terhadap ayat-ayat al-Quran bagi menemukan prinsip-prinsip amalan kesantunan berbahasa dalam kertas ini dilaksanakan dengan menerapkan analisis tafsir tematik yang merangkumi proses dan dua peringkat yang berbeza. Hasil penelitian terhadap ayat-ayat al-Quran menggunakan analisis tafsir tematik menemukan enam prinsip amalan kesantunan berbahasa dalam al-Quran. Keenam-enam prinsip ini merangkumi sifat dan ciri kesantunan berbahasa yang dapat dijadikan asas kepada pengukuran amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan guru Pendidikan Islam. Enam prinsip utama tersebut meliputi Qaulan Sadida, Qaulan Ma'rufa, Qaulan Karima, Qaulan Baligha, Qaulan Maysura dan Qaulan Layyina. Kajian ini menghasilkan model prinsip amalan kesantunan berbahasa yang dapat diaplikasikan dalam amalan komunikasi guru Pendidikan Islam.

Kata Kunci: Analisis tafsir tematik, al-Quran, amalan kesantunan berbahasa.

ABSTRACT

This paper is an attempt to interpret the verses of the Qur'an that revolve around the practice of politeness. Thematic discovery is to highlight the principles of language politeness practice that can be used as the basis for the measurement of language politeness practice among educators, especially Islamic Studies teachers. The study of Quranic verses to find the principles of language politeness in this paper is implemented by applying a thematic analysis of the interpretation that includes process and two different stages. The result of the study found six principles of language politeness practice in the Quran. These six principles include the nature and characteristics of language politeness that can be used as the basis for measuring the practice of language politeness among Islamic Education teachers. The six main principles include Qaulan Sadida, Qaulan Ma'rufa, Qaulan Karima, Qaulan Baligha,

¹ Ku Zaimah Che Ali, Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia. kuzaimahcheali@gmail.com.

² Mardzelah Makhsin PhD, Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia. mazfaniy@uum.edu.my.

Qaulan Maysura and Qaulan Layyina. This study produces a model for the practice of language politeness which can be applied in communication practice of Islamic Education teachers.

Keywords: *Analysis of thematic interpretation, Al-Quran, practice of language politeness.*

Pengenalan

Guru yang baik mempunyai dua sifat, iaitu personaliti yang baik dan berkeelayakan (Gunarhadi, Mustapa Kassim & Abdull Sukor Shaari, 2014). Dalam konteks sekolah, personaliti dan sikap guru sangat penting disebabkan hubungan antara sikap dengan tindakan (Norazlinda Saad & Surendran Sankaran, 2013). Sikap guru sering diterjemahkan dalam amalan pengajaran dalam bilik darjah yang dikatakan mempengaruhi tingkah laku murid dan hasil pembelajaran (Cook, 2002). Dalam konteks ini, amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan warga pendidik berfungsi sebagai pemangkin penerapan, pembentukan dan penghayatan akhlak pelajar. Secara langsung, kesantunan berbahasa merupakan ciri penting yang membolehkan guru berkomunikasi secara berkesan dengan pelajar mereka dan berupaya mewujudkan persekitaran pelajar yang menghormati, menggalakkan, dan merangsang dalam pembelajaran (Abraham Ayebo & Charles Assuahm, 2017).

Penyelidik percaya ramai guru terutamanya guru-guru Pendidikan Islam memahami konsep dakwah dan peranan guru sebagai *da'i* dalam menjalankan tugas. Guru-guru yang memahami konsep dakwah pasti meyakini bahawa dakwah dalam bidang pendidikan adalah amanah dan tanggungjawab yang perlu dilakukan dengan istiqamah dan berterusan. Pengalaman bertanggungjawab terhadap hasil kerja merupakan akauntabiliti guru secara peribadi terhadap hasil pengajaran yang dilakukan (Mat Zaini Abdullah, Rafisah Osman & Fauziah Md. Jaafar, 2016). Hal ini berlaku demikian kerana rasa akauntabiliti guru berperanan penting dalam pelaksanaan tanggungjawab sebagai *mu'alim, mu'addib, murabbiy, mursyid* dan *da'i* (Zaharah, 2005) dengan memastikan kesantunan berbahasa dilazimi dalam komunikasi dan interaksi dengan pelajar.

Ketidaksantunan dalam berbahasa memberikan kesan yang negatif kepada pembentukan dan penghayatan akhlak. Baryadi (2012) yang menulis dalam kajiannya tentang penggunaan bahasa yang tidak santun telah merincikan kesan ketidaksantunan berbahasa terhadap penghayatan akhlak pelajar. Beliau berpendapat ketidaksantunan dalam berbahasa menjadi halangan kepada pembentukan dan penghayatan akhlak.

Oleh sebab pengukuran yang diperlukan bagi mengukur tahap kesantunan berbahasa ini melibatkan guru Pendidikan Islam yang lebih sinonim dengan latar belakang agama, maka seharusnya pendekatan yang dibina disandarkan kepada konsep dan prinsip yang dikemukakan oleh ayat-ayat al-Quran dan Hadis.

Teori dan prinsip amalan kesantunan berbahasa yang dibina oleh para sarjana seperti Schuler Jerman (1950), Goffman (1955), Grice(1975), Lakorf (1975), Brown dan Levinson (1978), Leech (1983), Matsumoto (1988) dan Watts (1989) serta Fraser (1990) dibina berdasarkan pemikiran dan tinjauan terhadap budaya komunikasi dalam masyarakat masing-masing. Justeru teori dan prinsip yang dibangunkan merupakan representasi terhadap perlakuan santun sesebuah masyarakat. Oleh yang demikian, prinsip-prinsip yang dikemukakan belum berupaya menjadi satu gagasan universal yang dapat menjadi asas

kepada pengukuran dan penilaian amalan kesantunan berbahasa yang merentas bahasa dan budaya sejagat (Marlyna, 2012).

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan mengetengahkan analisis tafsir tematik terhadap ayat-ayat al-Quran berkaitan dengan prinsip kesantunan berbahasa dalam kalangan guru Pendidikan Islam. Analisis tafsir tematik digunakan dalam kajian untuk membentuk tema kesantunan berbahasa dengan meninjau ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan prinsip kesantunan berbahasa. Dapatan tema yang diperolehi membentuk model yang mengandungi prinsip-prinsip amalan kesantunan berbahasa sebagai suatu panduan dalam amalan kesantunan berbahasa bagi meningkatkan profesion guru-guru Pendidikan Islam.

Tinjauan Persuratan

Dibandingkan dengan konsep dan prinsip kesantunan berbahasa yang diperkenalkan oleh sarjana-sarjana Barat mahupun Timur, Islam sejak lebih 1400 tahun yang lalu telah pun menganjurkan amalan murni ini. Bukti anjuran amalan kesantunan berbahasa terkandung dalam al-Quran dan Hadis-hadis Nabi SAW. Firman Allah SWT dalam ayat 83, surah al-Baqarah:

﴿ وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَ بَنِي إِسْرَائِيلَ لَا تَعْبُدُونَ إِلَّا اللَّهَ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسَاكِينِ وَقُولُوا لِلنَّاسِ حُسْنًا وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ ثُمَّ تَوَلَّيْتُمْ إِلَّا قَلِيلًا مِّنْكُمْ وَأَنْتُمْ مُّعْرِضُونَ ﴾

(Dan ingatlah ketika Kami mengambil janji taat setia daripada Bani Israel, iaitu janganlah kamu menyembah selain Allah dan berbuat baiklah kepada ibubapa, kaum kerabat, anak-anak yatim dan orang-orang miskin serta ucapkanlah kata-kata yang baik kepada manusia, dirikanlah solat dan tunaikanlah zakat. Kemudian kamu tidak memenuhi janji itu kecuali sebahagian kecil daripada kamu dan kamu selalu mengingkarinya).

Dalam ayat di atas, terdapat beberapa perkara yang disebut oleh Allah SWT sebagai syarat perjanjian kepada Bani Israil, iaitu kaum Nabi Musa. Antaranya termasuklah perintah supaya mengucapkan kata-kata yang baik apabila berbicara sesama manusia. Ini menunjukkan bahawa anjuran supaya bersikap santun ketika berurusan sesama manusia telah lama dianjurkan oleh Islam iaitu sejak zaman Nabi Musa a.s lagi. Firman Allah SWT dalam surah al-Nahl, ayat 125:

﴿ اذْعُ إِلَىٰ سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِهِمْ بِآيَاتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴾

(Serulah manusia ke jalan Tuhanmu Wahai Muhammad dengan hikmat dan nasihat yang baik dan berbahaslah dengan mereka dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya Tuhanmu, Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalanNya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk).

Beberapa orang sarjana sebelum ini telah menulis mengenai konsep dan prinsip kesantunan berbahasa. Mohd Nazeli Ahmad (2009) menghasilkan sepuluh prinsip utama kesantunan berbahasa hasil penelitian beliau terhadap ayat-ayat suci al-Quran.

Prinsip yang pertama ialah prinsip yang dikaitkan dengan dua peranan utama penciptaan manusia, iaitu menyeru kebaikan dan mencegah kemungkaran. Prinsip kedua yang diketengahkan oleh Nazeli ialah prinsip kebertanggungjawaban manusia dalam menjaga lidah. Prinsip ini disandarkan kepada ayat 18, surah Qaf:

﴿ مَا يَلْفِظُ مِنْ قَوْلٍ إِلَّا لَدَيْهِ رَقِيبٌ عَتِيدٌ ﴾

(Tidak ada sebarang perkataan yang dilafazkannya melainkan ada di sisinya malaikat pengawas yang sentiasa sedia menerima dan menulisnya).

Prinsip ketiga yang dikemukakan oleh Nazeli ialah berbicara dengan lembut. Ini didasarkan kepada kefahaman ayat 44, surah Taha:

﴿ فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَيِّنًا لَعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَى ﴾

(Kemudian hendaklah kamu berkata kepadanya dengan kata-kata yang lemah-lembut, semoga dia beringat atau takut).

Prinsip yang diketengahkan ini adalah lebih kepada kaedah pertuturan. Prinsip ini disandarkan kepada ayat 159, surah Ali `Imran:

﴿ فَبِمَا رَحْمَةٍ مِنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ ﴾

(Maka dengan sebab rahmat yang melimpah-limpah dari Allah kepadamu wahai Muhammad, engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka dan pohonlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan itu).

Prinsip keempat ialah larangan mengucapkan perkataan yang buruk. Allah SWT melarang manusia daripada berbicara dengan tutur kata yang buruk seperti menghina, mencaci, mengejek, mencarut, mengeluarkan kata-kata yang kesat dan sebagainya. Prinsip ini disandarkan kepada ayat 148, surah Al-Nisa`:

﴿ لَا يُحِبُّ اللَّهُ الْجَهْرَ بِالسُّوءِ مِنَ الْقَوْلِ إِلَّا مَنْ ظَلَمَ وَكَانَ اللَّهُ سَمِيعًا عَلِيمًا ﴾

(Allah tidak suka kepada perkataan-perkataan buruk yang dikatakan dengan berterus-terang untuk mendedahkan kejahatan orang kecuali oleh orang yang dizalimi dan ingatlah Allah sentiasa Mendengar, lagi Maha Mengetahui).

Prinsip kelima yang dinyatakan oleh Nazeli ialah prinsip memaafkan. Prinsip ini diambil daripada kefahaman ayat 149, surah al-Nisa`:

﴿إِنْ تُبْدُوا خَيْرًا أَوْ تُخْفُوهُ أَوْ تَعْفُوا عَنْ سُوءٍ فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ عَفُورًا قَدِيرًا﴾

(Jika kamu melahirkan sesuatu kebaikan, atau menyembunyikannya, atau kamu memaafkan kesalahan yang dilakukan terhadap kamu, maka sesungguhnya Allah Maha Pemaaf lagi Maha Berkuasa)

Prinsip keenam ialah berhikmah. Prinsip ini disandarkan kepada ayat 125, surah Al-Nahl:

﴿ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ﴾

(Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang lebih baik)

Prinsip ketujuh ialah kecerahan dan kejelasan. Prinsip ini jelasnya difahami dari ayat 35, surah Al-Nahl:

﴿فَهَلْ عَلَى الرُّسُلِ إِلَّا الْبَلَاغُ الْمُبِينُ﴾

(Bukankah kewajiban para Rasul hanya menyampaikan amanah Allah dengan jelas?)

Prinsip kesantunan berbahasa yang kelapan menurut Nazeli ialah menggunakan bahasa yang sesuai dan baik. Prinsip ini disandarkan kepada ayat 53, surah al-Isra`:

﴿وَقُلْ لِعِبَادِي يَقُولُوا الَّتِي هِيَ أَحْسَنُ﴾

(Dan katakanlah kepada hamba-hambaKu “Hendaklah mereka mengucapkan perkataan yang lebih amat baik).

Prinsip kesembilan ialah nada yang terkawal dan sesuai. Prinsip ini diambil daripada kefahaman ayat 19, surah Luqman:

﴿وَأَقْصِدْ فِي مَشْيِكَ وَاغْضُضْ مِنْ صَوْتِكَ إِنَّ أَنْكَرَ الْأَصْوَاتِ لَصَوْتُ الْحَمِيرِ﴾

(Dan sederhanakanlah langkahmu semasa berjalan, juga rendahkanlah suaramu. Sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai).

Prinsip kesepuluh menurut Nazeli ialah pengucapan salam. Prinsip ini disandarkan kepada ayat 86, surah al-Nisa`:

﴿وَإِذَا حُيِّتُمْ بِتَحِيَّةٍ فَحَيُّوا بِأَحْسَنَ مِنْهَا أَوْ رُدُّوهَا﴾

(Dan apabila kamu diberikan penghormatan dengan sesuatu ucapan hormat, maka balaslah penghormatan itu dengan yang lebih baik daripadanya, atau balaslah dia dengan cara yang sama).

Abdul Mua'ti (2011) menyenaraikan tiga belas prinsip komunikasi menurut Islam. Istilah komunikasi yang digunakan dalam tulisannya adalah sinonim dengan perhubungan yang menekankan aspek kesantunan ketika berinteraksi.

Prinsip pertama ialah merancang idea sebelum berkomunikasi. Prinsip kedua ialah menganalisis pendengar. Seorang komunikator mukmin harus mengenali pendengar dan mengetahui tahap pengetahuan, sikap, sensitiviti dan mentaliti mereka. Prinsip ketiga ialah memastikan isi percakapan adalah benar. Prinsip keempat ialah menggunakan gaya bahasa yang baik dan bersesuaian. Prinsip kelima ialah mengawal nada percakapan supaya sesuai. Prinsip keenam yang dikemukakan oleh Abdul Mua'ti ialah menyusun maklumat dengan jelas dan berstruktur. Prinsip ketujuh ialah bahasa badan perlu menyokong lisan. Prinsip kelapan ialah berhujah dengan waras. Prinsip kesembilan ialah penutur perlu mengambil kira pendapat orang lain. Prinsip kesepuluh ialah melakukan apa-apa yang dikatakan. Prinsip kesebelas ialah meninggalkan celaan dan mengumpat. Komunikasi yang mengandungi umpat keji tidak mendatangkan faedah. Prinsip kedua belas ialah menjauhi tanggapan buruk terhadap orang lain. Prinsip ketiga belas menurut Abdul Mu'ati ialah mendengar dengan berkesan.

Prinsip-prinsip komunikasi yang telah dikemukakan oleh Abdul Mua'ti sebahagiannya telah disetujui oleh sarjana-sarjana lain seperti Sauri (2013), Juaeni (2013) dan lain-lain sebagai prinsip-prinsip dalam kesantunan berbahasa. Munif (2012) membahagikan prinsip kesantunan berbahasa menurut al-Quran kepada tiga bahagian, iaitu matlamat, bentuk dan cara. Kesantunan berbahasa menurut Islam disandarkan kepada matlamat untuk mengajak orang lain berbuat baik.

Perkara kedua yang ditekankan oleh Munif (2012) ketika membicarakan prinsip kesantunan berbahasa menurut al-Quran ialah bentuk leksikal atau perkataan dan amalan wacana. Leksikal yang dimaksudkan ialah penggunaan perkataan, ayat dan ungkapan ketika mempraktikkan kesantunan berbahasa.

Menurut Munif (2012), dalam Islam, pelaksanaan amalan kesantunan berbahasa mestilah mengikut garis panduan yang disediakan. Cara pelaksanaan yang dimaksudkan meliputi hukum-hukum syariah seperti wajib, sunat, harus, makruh dan haram.

Nafron Hasjim (2013) dalam tulisannya berjudul "Kesantunan Berbahasa Dalam Islam", menemukan lapan prinsip kesantunan berbahasa. Konklusi ini ialah hasil tadabbur beliau terhadap ayat-ayat Al-Quran. Kelapan-lapan prinsip tersebut ialah pertama *Qaulan Sadida* yang bermaksud perkataan yang benar. Prinsip kedua ialah *Qaulan Layyina* yang bermaksud perkataan yang lembut. Prinsip ketiga ialah *Qaulan Ma'rufa* yang bermaksud kata-kata yang baik. Prinsip keempat ialah *Qaulan Thaqila* yang bermaksud perkataan yang berat. Prinsip kelima ialah *Laghwan wa la ta`thima* yang bermaksud tidak mendengar perkataan yang sia-sia dan yang menimbulkan dosa. Prinsip keenam ialah *Qaulan Karima* yang bermaksud ucapan yang mulia. Prinsip ketujuh ialah *Yaqulullati hiya ahsan* iaitu berkata dengan ucapan yang terbaik. Prinsip kelapan ialah *Wa qulu linnasi husna* iaitu bercakaplah dengan manusia dengan bahasa yang baik.

Lapan prinsip kesantunan berbahasa yang dikemukakan oleh Nafron Hasjim (2012) adalah hampir sama dengan penemuan Sauri (2003), namun Sauri menengahkan enam prinsip tersebut, iaitu prinsip yang diadaptasi daripada ayat-ayat Al-Quran. Keenam-enam prinsip tersebut ialah *Qaulan Sadida*, *Qaulan Ma'rufa*, *Qaulan Layyina*, *Qaulan Karima*,

Qaulan Baligha dan Qaulan Maysura.

Metodologi

Penghasilan prinsip kesantunan berbahasa guru Pendidikan Islam dalam artikel ini menerapkan kaedah analisis Tafsir Tematik yang dikenali juga sebagai *Tafsir Mawdu'iy*, kaedah yang banyak dibincangkan oleh beberapa orang sarjana seperti al-Farmawiy (1977), Sa'id (1991), al-Daghamind (1995), al-Khalidiy (1995) dan Muslim (1997). Mohd Syukri Hanafi (2012) telah menggunakan kaedah *Tafsir Mawdu'iy* dalam kajiannya berjudul "Tasawwur Pembangunan Dalam al-Quran". Melalui *Tafsir Mawdu'iy*, beliau mengetengahkan Pembangunan Berdasarkan Islam.

Analisis Tafsir Tematik melalui dua peringkat. Pada peringkat pertama, tema amalan kesantunan berbahasa dijadikan asas untuk menganalisis dan mengeluarkan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan. Untuk menentukan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan amalan kesantunan berbahasa, penyelidik terlebih dahulu merujuk buku-buku berkaitan dengan akhlak yang dikarang oleh Abu Bakar Al-Jaza'iriy (2008), Hamka (2003), Mahmud al-Mishriy (2009), al-Ghazaliy (1997), al-Siddiqiy al-Shafeiy (1994) dan sebagainya.

Di samping itu, penulis menggunakan perisian komputer bagi mencari secara pantas ayat-ayat berkenaan. Gabungan teknik pengumpulan ayat-ayat ini dikukuhkan melalui penelitian ayat demi ayat di dalam al-Quran. Seterusnya, penyelidik mengumpulkan ayat-ayat berkaitan dan menyenaraikannya untuk dianalisis pada peringkat berikutnya.

Pada peringkat kedua, ayat-ayat al-Quran yang telah dikeluarkan dianalisis dan dikelompokkan mengikut subtema. Penyelidik merujuk kepada buku-buku tafsir al-Quran untuk mendapatkan interpretasi terhadap ayat-ayat yang dianalisis. Buku-buku tafsir tersebut merangkumi Tafsir al-Munir, karangan Dr Wahbah Al-Zuhailiy (1991), Tafsir al-Qurtubiy karangan Imam al-Qurtubiy (1993), Tafsir fi Zilal al-Quran karangan Jalaluddin al-Suyuthi (1993), Tafsir al-Quran al-'Azim karangan Ibnu Kathir (1999), Tafsir al-Ṭabariy karangan Ibnu Jabir Al-Ṭabariy (2000) dan Tafsir al-Kassiyaf oleh al-Zamakhsyariy (2009). Kesemua kitab tafsir yang dirujuk adalah meliputi bahagian bahasa, balaghah, *sabab nuzul* dan *fiqh al-hayat*.

Dapatan Kajian

Dapatan analisis Tafsir Tematik yang dilakukan terhadap ayat-ayat Al-Quran bagi membentuk prinsip kesantunan berbahasa dalam kajian ini dapat dijelaskan dalam dua peringkat. Peringkat pertama ialah taburan ayat-ayat prinsip kesantunan berbahasa dan peringkat kedua ialah analisis tema mengikut ayat.

Taburan Ayat-ayat Al-Quran Bagi Pembentukan Prinsip Amalan Kesantunan Berbahasa

Terdapat sepuluh ayat utama yang dipilih bagi pembentukan prinsip kesantunan berbahasa. Pemilihan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dalam pembentukan prinsip kesantunan berbahasa dibuat berdasarkan pandangan sarjana terdahulu dalam kajian mereka iaitu Mohd

Nazeli (2009), Awang Sariyan (2000, 2007), Abdul Mu'Ati (2011), Munif (2012), Nafron Hasjim (2013), Sauri (2013) dan lain-lain. Seterusnya singkapan melalui kitab-kitab Tafsir dan buku-buku akhlak. Ayat pertama ialah ayat 235 surah al-Baqarah. Firman Allah SWT:

﴿عَلِمَ اللَّهُ أَنَّكُمْ سَتَذْكُرُونَهُنَّ وَلَكِنْ لَا تُؤَاعِدُوهُنَّ سِرًّا إِلَّا أَنْ تَقُولُوا قَوْلًا مَعْرُوفًا﴾

(Allah mengetahui bahwa kamu akan menyebut-nyebut mereka, dalam pada itu janganlah kamu mengadakan janji kahwin dengan mereka secara rahsia kecuali sekadar mengucapkan kepada mereka pengucapan yang ma'ruf).

Dalam ayat 235 surah al-Baqarah, indikator yang dipilih ialah frasa *قولا معروفًا* yang membawa maksud pengucapan yang baik. Indikator ini turut ditemukan dalam ayat yang kedua iaitu ayat 5 dan ayat yang ketiga iaitu ayat 8 surah al-Nisa` serta ayat keempat, iaitu ayat 32 surah al-Ahzab.

Firman Allah SWT dalam ayat 5 surah al-Nisa`:

﴿وَلَا تُؤْتُوا السُّفَهَاءَ أَمْوَالَكُمُ الَّتِي جَعَلَ اللَّهُ لَكُمْ قِيَامًا وَارزُقُوهُمْ فِيهَا وَاكْسُوهُمْ وَقُولُوا لَهُمْ قَوْلًا مَعْرُوفًا﴾

(Dan janganlah kamu serahkan kepada orang-orang yang belum sempurna akal nya, harta yang dijadikan Allah sebagai pokok kehidupan. Berilah mereka belanja dan pakaian dan ucapkanlah kepada mereka kata-kata yang baik).

Firman Allah SWT dalam ayat 8 surah al-Nisa`:

﴿وَإِذَا حَضَرَ الْقِسْمَةَ أُولُو الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسَاكِينُ فَارزُقُوهُمْ مِنْهُ وَقُولُوا لَهُمْ قَوْلًا مَعْرُوفًا﴾

(Dan apabila sewaktu pembahagian itu hadir sanak saudara, anak yatim dan orang miskin, maka berilah mereka dari harta itu dan ucapkanlah kepada mereka pengucapan yang baik).

Firman Allah SWT dalam ayat 32 surah al-Ahzab:

﴿يَا نِسَاءَ النَّبِيِّ لَسْتُنَّ كَأَحَدٍ مِنَ النِّسَاءِ ۚ إِنَّ اتَّقِيْنَ فَلَآ تَخْضَعْنَ بِالْقَوْلِ فَيَطْمَعَ الَّذِي فِي قَلْبِهِ مَرَضٌ وَقُلْنَ قَوْلًا مَعْرُوفًا﴾

(Wahai isteri-isteri Nabi, kamu sekalian tidaklah seperti wanita yang lain, jika kamu bertakwa. Maka janganlah kamu tunduk dalam berbicara sehingga berkeinginanlah orang yang ada penyakit dalam hatinya dan ucapkanlah pengucapan yang baik).

Ayat kelima ialah ayat 9 dari surah al-Nisa`. Firman Allah SWT:

﴿وَلْيَخْشَ الَّذِينَ لَوْ تَرَكَوْا مِنْ خَلْفِهِمْ ذُرِّيَّةً ضِعَافًا خَافُوا عَلَيْهِمْ فَلْيَتَّقُوا اللَّهَ وَلْيَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا﴾

(Dan hendaklah takut kepada Allah orang-orang yang seandainya meninggalkan di belakang mereka anak-anak yang lemah, yang mereka khawatir terhadap (kesejahteraan) mereka. Oleh sebab itu hendaklah mereka bertakwa kepada Allah dan hendaklah mereka mengucapkan pengucapan yang benar).

Indikator yang dipilih dalam ayat ini ialah frasa *قولا سديدا* yang membawa maksud

pengucapan yang benar. Indikator yang sama turut ditemui dalam ayat keenam iaitu ayat 70 surah al-Ahzab. Firman Allah SWT:

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا ﴾

(Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah dan katakanlah pengucapan yang benar).

Ayat ketujuh yang ditemukan bagi membentuk prinsip kesantunan berbahasa ialah ayat 63 surah al-Nisa`. Firman Allah SWT:

﴿ أُولَئِكَ الَّذِينَ يَعْلَمُ اللَّهُ مَا فِي قُلُوبِهِمْ فَأَعْرِضْ عَنْهُمْ وَعِظْهُمْ وَقُلْ لَهُمْ فِي أَنفُسِهِمْ قَوْلًا بَلِيغًا ﴾

(Mereka itu adalah orang-orang yang Allah mengetahui apa yang ada di dalam hati mereka, maka berpalinglah kamu dari mereka dan berikanlah mereka pelajaran dan katakanlah kepada mereka pengucapan yang berkesan pada jiwa mereka).

Indikator yang dipilih dalam ayat ini ialah قولا بليغا yang bermaksud kata-kata yang berkesan dalam jiwa (Al-Zuhaily, 1991).

Ayat kelapan yang dipilih bagi membentuk prinsip kesantunan berbahasa ialah ayat 23 surah al-Isra`. Firman Allah SWT:

﴿ وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۖ إِنَّمَا يُبَلِّغُنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقْمَنَّ لَهُمَا أَفًّا وَلَا تَنْهَرَهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ﴾

(Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia dan hendaklah kamu berbuat baik pada ibu bapamu dengan sebaik-baiknya. Jika salah seorang di antara keduanya atau kedua-duanya telah sampai usia tua, maka sekali-kali janganlah kamu mengatakan kepada keduanya pengucapan "ah" dan janganlah kamu membentak mereka dan ucapkanlah kepada mereka pengucapan yang mulia).

Indikator yang dipilih dalam ayat ini ialah frasa قولا كريما yang bermaksud pengucapan yang mulia.

Ayat kesembilan yang ditemukan dalam pembentukan prinsip kesantunan berbahasa ialah ayat 28 surah al-Isra`. Firman Allah SWT:

﴿ وَإِنَّمَا تُعْرَضُونَ عَنْهُمْ ائْتِغَاءَ رَحْمَةٍ مِّنْ رَبِّكَ تَرْجُوهَا فَقُلْ لَهُمْ قَوْلًا مِّسُورًا ﴾

(Dan jika kamu berpaling dari mereka untuk memperoleh rahmat dari Tuhanmu yang kamu harapkan, maka katakanlah kepada mereka ucapan yang menyenangkan).

Indikator yang dipilih dalam ayat ini ialah frasa قولا ميسورا yang membawa maksud pengucapan yang menyenangkan.

Ayat kesepuluh yang ditemui bagi pembentukan prinsip kesantunan berbahasa ialah ayat 44 surah Taha. Firman Allah SWT:

﴿فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَّيِّنًا لَعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَى﴾

(Maka berbicaralah kamu berdua kepadanya dengan kata-kata yang lemah lembut, mudah-mudahan dia ingat atau takut).

Indikator yang dipilih dalam ayat ini ialah frasa *قولا ليئا* yang bermaksud pengucapan yang lembut.

Jadual 1 di bawah menunjukkan taburan ayat al-Quran yang dipilih bagi pembentukan Prinsip Kesantunan Berbahasa.

Jadual 1: Ayat-ayat Pembentukan Prinsip Kesantunan Berbahasa

Bil	Kedudukan Ayat	Indikator
1	Al-Baqarah: 235	قولا معروف (Pengucapan yang baik)
2	Al-Nisa` : 5	قولا معروف (Pengucapan yang baik)
3	Al-Nisa` : 8	قولا معروف (Pengucapan yang baik)
4	Al-Ahzab: 32	قولا معروف (Pengucapan yang baik)
5	Al-Nisa` : 9	قولا سديدا (Pengucapan yang benar)
6	Al-Ahzab: 70	قولا سديدا (Pengucapan yang benar)
7	Al-Nisa` : 63	قولا بليغا (Pengucapan yang berkesan)
8	Al-Isra` : 23	قولا كريما (Pengucapan yang mulia)
9	Al-Isra` : 28	قولا ميسورا (Pengucapan yang menyenangkan)
10	Taha: 44	قولا ليئا (Pengucapan yang lembut)

Analisis Tema Mengikut Ayat

Analisis Tafsir Tematik yang dilakukan menemukan enam tema bagi membentuk prinsip kesantunan berbahasa. Tema-tema tersebut ialah *Qaulan Ma'rufa*, *Qaulan Sadida*, *Qaulan Baligha*, *Qaulan Karima*, *Qaulan Layyina* dan *Qaulan Maysura*.

Tema Yang Pertama: *Qaulan Ma'rufa*

Tema yang pertama adalah berdasarkan ayat 235 surah al-Baqarah, ayat 5 dan 8 surah al-Nisa` dan ayat 32 surah al-Ahzab iaitu *Qaulan Ma'rufa*. Firman Allah dalam ayat 235 surah al-Baqarah:

﴿عَلِمَ اللَّهُ أَنَّكُمْ سَتَذْكُرُونَهُنَّ وَلَكِنْ لَا تُؤَاعِدُوهُنَّ سِرًّا إِلَّا أَنْ تَقُولُوا قَوْلًا مَعْرُوفًا﴾

(Allah mengetahui bahawa kamu akan menyebut-nyebut mereka, dalam pada itu janganlah kamu mengadakan janji kahwin dengan mereka secara rahsia, kecuali sekadar mengucapkan perkataan yang ma'ruf).

Frasa *Qaulan Ma'rufa* pada asalnya dirujuk kepada penggunaan ucapan yang baik

yang berbentuk kiasan atau sindiran oleh lelaki mukminin yang berhajat untuk menikahi perempuan mukminat yang sedang berada dalam ‘idah sama ada dicerai mati oleh suaminya atau dicerai *ba`in* (talak tiga) (al-Zuhailiy, 1991, al-Andalusiy, 1993, Ibnu Kathir, 2000, 2016, Sayyid Qutb, 2000). Al-Zuhailiy (1991) merincikan frasa *Qaulan Ma`rufa* dengan menyifatkannya sebagai kata-kata yang tidak tercegas dari segi syarak, iaitu kata-kata yang suci dan lembut dan tidak melukai pendengar. Rasulullah SAW telah menunjukkan contoh penggunaan *Qaulan Ma`rufa* ketika melamar Fatimah binti Qais yang dicerai talak tiga oleh suaminya untuk diperisteri oleh Usamah bin Zaid. Rasulullah SAW dalam lamaran tersebut hanya menggunakan bahasa kiasan iaitu: “Jika kamu sudah habis tempoh ‘idah, beritahulah saya”. Rasulullah SAW tidak menggunakan kata-kata yang berterus terang bagi menjaga keharmonian keadaan. Sayyid Qutb (2000) menjelaskan bahawa *Qaulan Ma`rufa* merupakan satu mekanisma atau prinsip kesantunan berbahasa yang diungkapkan dalam al-Quran sebagai panduan kepada golongan mukminin apabila bermuamalah dengan golongan mukminat yang sedang dalam ‘idah perceraian sama ada bercerai mati atau bercerai talak tiga. Al-Quran memberikan panduan bahawa dibolehkan golongan mukminat tersebut dipinang oleh lelaki mukminin yang ingin menikahinya selepas habis ‘idah, namun pengucapan pernyataan peminangan itu tidak boleh dilafazkan secara langsung atau jelas, malah harus dilafazkan secara sindiran atau kiasan sahaja.

Panduan pengucapan ini adalah bagi memelihara maruah dan perasaan golongan mukminat yang baru berpisah dengan suaminya. Perpisahan yang berlaku mungkin menyebabkan golongan mukminat terbabit berada dalam situasi yang menyedihkan atau masih mengimbau kenangan-kenangan semasa bersama bekas suami. Justeru, menggunakan perkataan yang boleh menggores atau menyinggung hati mukminat dilarang sama sekali. Sayyid Qutb (2000) menjelaskan bahawa panduan yang digariskan dalam ayat 235 surah al-Baqarah membuktikan bahawa Islam sangat memandang tinggi kaum wanita hatta setelah mereka dicerai dan Islam sentiasa memelihara maruah mereka berbanding dengan keadaan mereka sebelum jahiliyyah yang sangat dipandang hina.

Firman Allah dalam ayat 5 surah al-Nisa`:

﴿وَلَا تُؤْتُوا السُّفَهَاءَ أَمْوَالَكُمُ الَّتِي جَعَلَ اللَّهُ لَكُمْ قِيَامًا وَارزُقُوهُمْ فِيهَا وَاكْسُوهُمْ وَقُولُوا لَهُمْ قَوْلًا مَعْرُوفًا﴾

(Dan janganlah kamu menyerahkan kepada orang-orang yang belum sempurna akalnya, harta mereka yang ada dalam jagaanmu yang dijadikan Allah sebagai pokok kehidupan dan berilah mereka belanja dan pakaian dan ucapkanlah kepada mereka kata-kata yang baik).

Ibnu Kathir (2016) memetik kata-kata Mujahid dalam mentafsirkan frasa *Qaulan Ma`rufa* sebagai berkata: “yakni dalam kebaikan dan silaturrahim”. Ayat ini merupakan anjuran supaya sentiasa berbuat baik dan berkata baik kepada ahli keluarga dan kaum kerabat serta orang-orang yang berada di bawah jagaan.

Firman Allah dalam ayat 8 surah al-Nisa`:

﴿وَإِذَا حَضَرَ الْقِسْمَةَ أُولُو الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسَاكِينُ فَارزُقُوهُمْ مِنْهُ وَقُولُوا لَهُمْ قَوْلًا مَعْرُوفًا﴾

(Dan apabila sewaktu pembahagian harta itu datang kaum kerabat, anak yatim dan orang miskin, maka berilah mereka dari harta itu dan ucapkanlah kepada mereka perkataan yang

baik).

Qaulan Ma'rufa membawa pengertian pengucapan yang baik (Ibnu Kathir, 2016), tidak negatif dan menyenangkan (al-Zuhailly, 1991). Analisis derivasi yang dilakukan bagi frasa *Qaulan Ma'rufa* meletakkan frasa ini sebagai *maf'ul mutlak* iaitu kata nama yang menjelaskan jenis pengucapan atau sifat pengucapan. Al-Zuhayliy (1991) menghuraikan frasa *Qaulan Ma'rufa* sebagai pengucapan yang baik yang tidak memalukan pihak lain dalam pergaulan yang baik dan harmoni.

Al-Tabary (2000) menyebut maksud frasa *Qaulan Ma'rufa* dalam ayat 32 surah al-Ahzab sebagai ucapan yang diizinkan dan diharuskan oleh Allah. Ibnu Kathir (2016) turut menambah bahawa frasa *Qaulan Ma'rufa* ini bagi isteri-isteri Nabi SAW secara khususnya dan wanita-wanita lain amnya adalah sebagai panduan ketika berbicara dengan lelaki ajnabi. Perbicaraan mestilah dalam bentuk pengucapan yang baik dan tidak menimbulkan fitnah. Firman Allah SWT dalam ayat 32 surah al-Ahzab:

﴿ يَا نِسَاءَ النَّبِيِّ لَسْنُنَّ كَأَحَدٍ مِنَ النِّسَاءِ ۚ إِنَّ اتَّقِيْنَ فَلَآ تَخْضَعْنَ بِالْقَوْلِ فَيَطْمَعَ الَّذِي فِي قَلْبِهِ مَرَضٌ وَقُلْنَ قَوْلًا مَّعْرُوفًا ۚ ﴾

(Wahai isteri-isteri Nabi, kamu tidak seperti wanita yang lain, jika kamu bertakwa. Maka janganlah kamu melembut-lembutkan suara ketika berbicara sehingga mendatangkan keinginan nafsu orang yang ada penyakit dalam hatinya dan ucapkanlah perkataan yang baik).

Tema Kedua: *Qaulan Sadida*

Tema yang kedua ialah *Qaulan Sadida*. Tema ini ditemui dalam ayat 9 surah al-Nisa` dan ayat 70 surah al-Ahzab. Frasa *Qaulan Sadida* membawa maksud pengucapan yang benar, tidak berdusta dan realiti (al-Zuhailly, 1991). Tema ini dikenal pasti daripada ayat 9 surah al-Nisa` dan ayat 70 surah al-Ahzab. Dalam ayat 9 surah al-Nisa, Allah SWT berfirman:

﴿ وَلْيَخْشَ الَّذِينَ لَوْ تَرَكَوْا مِنْ خَلْفِهِمْ ذُرِّيَّةً ضِعَافًا خَافُوا عَلَيْهِمْ فَلْيَتَّقُوا اللَّهَ ۚ وَلْيَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا ﴾

(Dan hendaklah mereka takut kepada Allah sekiranya mereka meninggalkan keturunan yang lemah di belakang mereka serta mereka khatir terhadap kesejahteraannya, oleh sebab itu hendaklah mereka bertakwa kepada Allah dan hendaklah mereka menuturkan perkataan yang benar).

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ ۚ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا ﴾

(Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah dan katakanlah perkataan yang benar)

Perkataan *سَدِيدًا* dalam dua ayat di atas bermakna *صوابا محكما* iaitu bertepatan dengan ajaran agama (al-Zuhailly, 1991). Al-Zuhailly (1991) menjelaskan bahawa *Qaulan Sadida* ialah merujuk kata-kata yang adil, benar dan tepat.

Dalam ayat 9 surah al-Nisa`, walaupun seruan *Qaulan Sadida* dalam ayat tersebut ditujukan kepada pentadbir harta pusaka dan penjaga anak-anak yatim, seruan itu tetap diseru kepada seluruh manusia supaya sentiasa menggunakan kata-kata yang baik, benar dan tepat

dalam semua urusan serta interaksi dengan sesama manusia, terutamanya dengan kaum keluarga terdekat (al-Zuhailyy, 1991).

Tema Ketiga: *Qaulan Baligha*

Tema yang ketiga ialah *Qaulan Baligha*. Tema ini ditemukan dalam ayat 63 surah al-Nisa`. Frasa *Qaulan Baligha* membawa maksud pengucapan yang berkesan dan mempengaruhi (al-Zuhailyy, 1991). Firman Allah dalam ayat 63 surah al-Nisa`:

﴿أُولَئِكَ الَّذِينَ يَعْلَمُ اللَّهُ مَا فِي قُلُوبِهِمْ فَأَعْرِضْ عَنْهُمْ وَعِظْهُمْ وَقُلْ لَهُمْ فِي أَنفُسِهِمْ قَوْلًا بَلِيغًا﴾

(Mereka itulah orang-orang yang diketahui oleh Allah akan apa yang ada dalam hati mereka, oleh itu berpalinglah engkau daripada mereka dan nasihatilah mereka serta katakanlah kepada mereka kata-kata yang boleh memberi kesan pada hati mereka).

Al-Zuhailyy (1991) menjelaskan frasa *Qaulan Baligha* di sini menunjukkan bahawa terdapat tiga kaedah bermuamalah dengan kaum munafik. Pertama, berpaling atau tidak mengendahkan mereka dengan tidak bergaul dengan mereka. Kedua, memberi nasihat dan peringatan dengan kebaikan sehingga hati mereka menjadi lembut. Ketiga, menggunakan kata-kata yang berkesan ke dalam jiwa mereka sama ada menggembirakan mereka jika mereka kembali beriman atau menakutkan mereka dengan kedudukan dan balasan Allah terhadap golongan yang munafik.

Tema Keempat: *Qaulan Karima*

Tema yang keempat ialah *Qaulan Karima*. Tema ini ditemui dalam ayat 23 surah al-Isra`. Frasa *Qaulan Karima* membawa maksud pengucapan yang mulia, positif dan optimis (al-Zuhailyy, 1991). Firman Allah dalam ayat 23 surah al-Isra`:

﴿وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا إِمَّا يَبُلُغَنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا آفٌ وَلَا تُنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا﴾

(Dan Tuhanmu telah perintahkan supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-mata dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya atau kedua-duanya sekali sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "Ha" dan janganlah engkau menengking menyergah mereka tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun)).

Ayat 23 surah al-Isra` merupakan panduan Al-Quran terhadap urusan kehidupan manusia. Panduan ini dimulakan dengan unsur aqidah, iaitu larangan Allah SWT agar manusia tidak menyembah selain Dia Yang Maha Berkuasa. Panduan berikutnya ialah tatacara ketika bermuamalah dengan ibu bapa. Allah SWT memerintahkan agar manusia berlaku ihsan terhadap ibu bapa. Antara kaedah berlaku ihsan terhadap ibu bapa ialah menyantuni mereka dari segi perbuatan dan juga perkataan.

Tema Kelima: *Qaulan Maysura*

Tema yang kelima ialah *Qaulan Maysura*. Prinsip ini ditemukan dalam ayat 28 surah al-Isra`. Frasa *Qaulan Maysura* membawa maksud pengucapan yang menyenangkan, yang mudah, senang dan tidak membebankan (al-Zuhailyy, 1991). Firman Allah dalam ayat 28 surah al-Isra` ;

﴿وَأِمَّا تُغْرِضَنَّ عَنْهُمْ رَحْمَةً مِنْ رَبِّكَ تَرْجُوهَا فَقُلْ لَهُمْ قَوْلًا مَيْسُورًا﴾

(Dan jika engkau terpaksa berpaling, tidak melayani mereka kerana menunggu rezeki dari Tuhanmu yang engkau harapkan, maka katakanlah kepada mereka kata-kata yang menyenangkan hati).

Sa'adiy (2001) menderivasikan kalimah *Qaulan* sebagai *maf'ul mutlaq* iaitu kata peneguhan kepada kalimah *Qu l*. Beliau juga menderivasikan kalimah *maysura* sebagai sifat kepada kalimah *Qaulan*. Secara lafaznya, *Qaulan Maysura* bermakna ucapan yang mudah. Bagaimanapun Sa'adiy memberi maksud *Qaulan Maysura* sebagai kata-kata lembut yang santun. Frasa *Qaulan Maysura* dijadikan sebagai satu adab yang diajarkan oleh Allah dalam ayat 28 surah al-Isra` kepada kaum mukminin yang tidak dapat menunaikan hajat dan permintaan sanak saudara yang memerlukan.

Tantawiy (1997) dan al-Qurtubiy (1993) menyatakan maksud *Qaulan Maysura* sebagai kata-kata yang mudah dan lembut. Penggunaan kaedah *Qaulan Maysura* menunjukkan keprihatinan seseorang terhadap masalah saudaranya, di samping memberikan kegembiraan kepadanya. Kaedah ini juga merangkumi kata-kata yang penuh beradab, lembut, santun dan indah didengar ketika menyatakan ketidakmampuan seseorang dalam menunaikan hajat saudaranya.

Al-Qurtubiy (1993) menjelaskan sebab nuzul ayat ini adalah apabila satu kumpulan datang bertemu Nabi SAW dan meminta sesuatu daripada baginda. Baginda tidak dapat menunaikan permintaan mereka lalu mereka pulang dalam keadaan sedih dan dukacita, lalu Allah SWT menurunkan ayat ini sebagai satu kaedah dalam menolak suatu hajat dengan baik. Al-Qurtubiy turut merangkumkan frasa *Qaulan Maysura* dengan doa supaya urusan mereka yang ditolak hajat, dipermudah dan dibukakan jalan kebaikan. Kaedah *Qaulan Maysura* juga bermaksud kata-kata yang terbaik dan paling sopan serta mendoakan dengan rezeki yang banyak. Setelah ayat ini diturunkan, Rasulullah SAW ketika diminta oleh kaum muslimin sesuatu daripada baginda dan baginda tidak mempunyainya serta tidak mampu memenuhi hajat mereka, Rasulullah akan menyebut: *يرزقنا الله وإياكم من فضله* yang bermaksud Allah akan mengurniakan kita rezeki dari kekayaanNya.

Tema Keenam: *Qaulan Layyina*


Tema yang keenam ialah *Qaulan Layyina*. Prinsip ini ditemukan dalam ayat 44 surah Taha. Frasa *Qaulan Layyina* membawa maksud pengucapan yang lemah lembut, sopan dan santun (al-Zuhaily, 1991). Tema ini berdasarkan 44 surah Taha:

﴿فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَيِّنًا لَعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَى﴾

(Kemudian hendaklah kamu berkata kepadanya dengan kata-kata yang lemah-lembut supaya ia beringat atau takut).


Al-Qurtubiy (1993) menterjemahkan *Qaulan Layyina* sebagai kata-kata yang tidak ada unsur kekasaran. Al-Tabariy (2000) menafsirkan *Qaulan Layyina* sebagai kata-kata yang lembut yang dapat menundukkan orang yang mendengarnya. Al-Tabariy merujuk kepada ayat tersebut iaitu perintah Allah kepada Nabi Musa dan saudaranya supaya menggunakan perkataan yang lembut apabila bertemu dengan Firaun sehingga dengan kata-kata yang mengandungi dakwah dan peringatan yang lembut dapat melemahkan ego Firaun dan menjadikannya tunduk dan patuh serta kembali taat kepada Allah.

Dapatan hasil analisis Tafsir Tematik tema pembentukan prinsip amalan kesantunan berbahasa dapat disimpulkan dalam gambarajah 2.



Gambar Rajah 2: Dapatan Analisis Mawdu'iy Bagi Pembentukan Prinsip Kesantunan Berbahasa Menurut Al-Quran

Prinsip-prinsip kesantunan berbahasa yang ditemukan dapat disimpulkan dalam Gambar Rajah 3.



Gambar Rajah 3: Prinsip Kesantunan Berbahasa dalam Al-Quran

Perbincangan

Hasil penelitian terhadap ayat-ayat al-Quran mendapati amalan kesantunan berbahasa dianjurkan dalam Islam. Islam bukan sahaja meletakkan konsep umum terhadap amalan kesantunan berbahasa, malah secara khusus, Islam juga menggariskan beberapa prinsip penting kesantunan berbahasa. Enam prinsip kesantunan berbahasa iaitu *Qaulan Sadidia*, *Qaulan Ma'rufa*, *Qaulan Karima*, *Qaulan Layyina*, *Qaulan Baligha* dan *Qaulan Maysura* sangat sesuai dijadikan asas kepada pengukuran tahap dan kualiti kesantunan berbahasa guru Pendidikan Islam. Dapatan kajian ini adalah seiring dengan pandangan beberapa orang sarjana yang menulis tentang konsep dan prinsip kesantunan berbahasa menurut Islam. Walau bagaimanapun, dapatan kajian sarjana-sarjana sebelum ini agak berbeza dengan dapatan kajian penyelidikan. Perbincangan tentang konsep dan prinsip kesantunan berbahasa yang dibuat oleh para sarjana sebelum ini tidak mengemukakan metode atau kaedah yang

digunakan bagi menganalisis kadungan ayat-ayat al-Quran sehingga dapat mengetengahkan perbincangan konsep tersebut. Berbeza dengan kajian ini yang menggunakan kaedah analisis Tafsir Tematik atau *Tafsir Mawdhu'iy*.

Hasil tinjauan tentang prinsip kesantunan berbahasa sebelum ini adalah lebih berbentuk konsep umum amalan kesantunan berbahasa. Sebaliknya kajian ini lebih menumpukan penanalisisan terhadap ayat-ayat al-Quran dalam mengenal pasti prinsip-prinsip kesantunan berbahasa. Dapatan kajian juga mendapati sepuluh (10) prinsip amalan kesantunan berbahasa yang dikemukakan Nazeli (2004) adalah lebih bersifat konsep amalan kesantunan berbahasa yang umum. Prinsip pertama yang dikemukakan beliau ialah menyeru kebaikan dan mencegah kemungkaran. Prinsip kedua ialah kebertanggungjawaban manusia menjaga lidah. Prinsip ketiga ialah berbicara dengan lembut. Prinsip keempat yang ditemukan oleh Nazeli ialah larangan mengeluarkan perkataan yang buruk. Prinsip kelima ialah memaafkan. Prinsip keenam ialah berhikmah. Prinsip ketujuh ialah kejelasan. Prinsip kelapan ialah menggunakan bahasa yang sesuai dan baik. Prinsip kesembilan ialah menggunakan nada yang terkawal dan sesuai. Prinsip yang kesepuluh ialah pengucapan salam. Daripada sepuluh prinsip yang dikemukakan beliau, hanya prinsip ketiga yang didapati sama dengan penemuan kajian ini, iaitu berbicara dengan lembut.

Dapatan kajian ini juga menyokong perbincangan tiga belas prinsip amalan kesantunan berbahasa yang dikemukakan oleh Abdul Mu'ati (2011). Daripada tiga belas prinsip yang dikemukakan beliau, hanya tiga prinsip yang didapati sama dengan penemuan kajian ini iaitu benar, lembut dan berkesan. Selain tiga prinsip tersebut, konsep umum amalan kesantunan berbahasa adalah seperti merancang idea sebelum berkomunikasi, menganalisis situasi pendengar, menyusun maklumat dengan jelas dan sebagainya. Dapatan kajian ini juga menyokong perbincangan terhadap prinsip kesantunan berbahasa yang dikemukakan oleh Munif (2012). Kajian beliau telah mengetengahkan tiga prinsip umum kesantunan berbahasa yang merangkumi matlamat, bentuk dan cara serta menekankan bahawa matlamat amalan kesantunan berbahasa ialah mengajak orang lain berbuat baik. Hasil kajian beliau telah menemukan enam prinsip khusus kesantunan berbahasa dengan bentuk kesantunan berbahasa secara leksikal yang merangkumi perkataan, ayat dan ungkapan yang digunakan dalam komunikasi. Perkataan, ayat dan ungkapan yang digunakan dikira sama ada baik atau buruk dan diberikan pahala atau dosa serta terangkum dalam lima hukum syariah iaitu wajib, haram, makruh, sunat dan harus.

Dapatan kajian ini juga menyokong pandangan Nafron Hasjim (2012) yang mengemukakan lapan prinsip kesantunan berbahasa. Empat daripada lapan prinsip tersebut menyamai prinsip yang ditemukan dalam kajian ini iaitu *Qaulan Sadida*, *Qaulan Layyina*, *Qaulan Ma'rufa* dan *Qaulan Karima*. Walau bagaimanapun, penulis kurang bersetuju dengan Nafron untuk memasukkan empat lagi sebagai prinsip kesantunana berbahasa iaitu *Qaulan Thaqla*, *Laghwan wa la ta`thima*, *yaquulullati hiya ahsan* dan *waquulu linnasi husna*. Penyelidik berpendapat bahawa keempat-empat prinsip yang disebutkan ini lebih kepada konsep kesantunan yang umum. Walau bagaimanapun, secara keseluruhan, enam prinsip yang terhasil menerusi analisis Tafsir Tematik telah mengesahkan prinsip kesantunan berbahasa yang dikemukakan oleh Sauri (2013) iaitu *Qaulan Sadida*, *Qaulan Ma'rufa*, *Qaulan Karima*, *Qaulan Layyina*, *Qaulan Baligha* dan *Qaulan Maysura*.

Implikasi

Penelitian terhadap ayat-ayat al-Quran yang berkisar tentang konsep dan prinsip kesantunan berbahasa merupakan suatu usaha dalam anjakan paradigma terhadap disiplin ilmu al-Quran supaya lebih berusaha untuk mentadabbur ayat-ayat al-Quran seterusnya mengetengahkan interpretasi yang dilakukan. Penemuan prinsip-prinsip kesantunan berbahasa ini juga menjadi pengesahan dan sokongan kepada usulan dan perbincangan sarjana-sarjana sebelum ini selain mengukuhkan dapatan mereka. Penemuan enam prinsip kesantunan berbahasa ini juga menjadi permulaan kepada pembinaan instrumentasi yang dapat mengukur tahap amalan kesantunan berbahasa guru-guru Pendidikan Islam. Selain itu, hasil penemuan kajian ini juga boleh menjadi pencetus kepada pembinaan Model Kesantunan Berbahasa yang dapat meningkatkan tahap profesion guru Pendidikan Islam sebagai model contoh terbaik dalam sistem pendidikan.

Kesimpulan

Kajian ini merupakan suatu interpretasi kepada penelitian terhadap ayat-ayat al-Quran dengan menerapkan kaedah analisis Tafsir Tematik. Kajian ini telah menyokong dan mengesahkan usulan prinsip kesantunan berbahasa yang telah dibuat oleh sarjana muslim sebelum ini. Dapatan yang dihasilkan telah membuktikan bahawa selain konsep dan prinsip amalan kesantunan berbahasa yang dikemukakan oleh sarjana-sarjana Timur dan Barat, Islam sebenarnya telah lama menganjurkan amalan kesantunan berbahasa seawal penurunan ayat al-Quran. Masyarakat Islam juga telah lama mengamalkan kesantunan berbahasa seawal perutusan Nabi Muhammad SAW.

Penemuan dalam kajian ini menunjukkan Islam telah meletakkan garis panduan yang tekal terhadap amalan kesantunan berbahasa. Enam prinsip kesantunan berbahasa yang diketengahkan dalam kajian ini iaitu *Qaulan Sadidia*, *Qaulan Ma'rufa*, *Qaulan Karima*, *Qaulan Layyina*, *Qaulan Baligha* dan *Qaulan Maysura* amat sesuai diaplikasikan dalam amalan kesantunan berbahasa guru-guru Pendidikan Islam. Kesantunan berbahasa guru Pendidikan Islam amat penting ditonjolkan dalam berkomunikasi secara berkesan kerana golongan ini ialah pendakwah yang bertanggungjawab dalam mendidik manusia mengenali Tuhan dengan memiliki akhlak yang mulia dan berkeupayaan mengendalikan kehidupan dengan syariat Allah SWT.

Rujukan

- Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad. 2011. *Santun Komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abraham Ayebo & Charles Assuah. (2017). Exploring teachers' knowledge of classroom management and control. *Malaysian Journal of Learning and Instruction: Vol. 14 No. 1,169-185*.
- Al-Daghamind, Ziyad Khalil Muhammad. (1995). *Manhajyyat al-Bahth fi al-Tafsir al-Mawdu'iy li al-Qur'an al-Karim*. 'Amman, Jordan: Dar al-Basyir.
- Al-Farmāwiy, 'Abd al-Ḥayy. (1991). *Mawsū'at al- Tafsīr al-Mawḍū'iy li Al-Qurān al-*

- Karīm*. Kaherah, Mesir: Dār al-Nasr li al- Ṭaba'at al-Islamiyyaṭ.
- Al-Farmāwiy, 'Abd al-Ḥayy. (1977). *Al- Bidāyat fi al-Tafsīr al-Mawḍū'iy*. Kaherah, Mesir: Al-Ḥaḍarāt al-'Arabiyyāt.
- Al-Ghazali, Muhammad. (1997). *Akhlak Seorang Muslim*. Selangor: Thinker`s Library Sdn Bhd.
- Al-Jazairiy, Abu Bakar Jabir. (2008). *Minhajul Muslim*. Beirut: Darul Fikr. Terjemahan: Ensiklopedia Muslim: Fadhli Bahri. Jakarta: Daru Falah.
- Al-Khalidiy, Salah 'Abd al-Fattah. (2001). *Al-Tafsir al-Mawdu'iy Bayn al-Nazariyyat wa Tatbiq Dirasat Nazariyyat wa Tatbiqiyyat Murafaqat bi Namazij wa Lata'if al-Tafsir*. 'Amman, Jordan: Dar al-Nafa'is.
- Al-Qurtubiy Muhammad bin Ahmad. (1993). *Al-Jami' Li Ahkam Al-Quran*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Masriyyah.
- Al-Sa'adiy, Abdul Rahman Ibn Nasir. (2002). *Taysir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Manan*. Riyadh: Darussalam.
- Al-Sabbuniy, Muhammad 'Ali. (1981). *Al-Tibyan fi 'Ulum al-Qur'an*. Beirut, Lubnan: Mu'assasat Manahil al-'Irfan.
- Al-Siddiqiy Al-Shafeiy, Muhammad Ibnu 'Allan. (1994). *Dalil al-Falihin li Turuq Riyad al-Solihin*. Beirut. Lubnan.
- Al-Suyûṭî, Jalâl Al-Din. (1985). *Al-Itqân Fi 'Ulûm Al-Qur`Ân*. Kairo: Dâr Al-Turâth.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din "Abd al-Rahman. (1993). *Al-Al-Durr al-manthur fi Tafsir al-Ma`thur*. Beirut, Lubnan: Dar al-Fikr li al-Ṭaba'at wa al-Nasy wa al-Tawzi'.
- Al-Tabariy, Abi Jaafar Muhammad bin Jarir. (2000). *Tafsir al-Tabariy al-Musamma Jami' al-Bayan fi al-Ta`wil Al-Quran*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyat.
- Al-Zamakhshariy, Abu al-Qasim Jar Allah Muhammad bin 'Umar bin Muhammad. (1995). *Al-Kasysyaf 'an Haqa'iq wa Ghawamid al-Tanzilwa 'Uyun al-'Aqawilfi Wujud al-Ta`wil*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyat.
- Al-Zamakhshariy, Mahmud Bin Omar. (2009). *Tafsir al-Kassyaf 'an Haqaiq al-Tanzil wa 'Uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Tanzil*. Dar al-Ma'rifah.
- Al-Zayn, Samīḥ 'Atif. (1994). *Al-Tafsīr al-Mawḍhu'iy li Al-Quran al-Karim*. Beirut, Lubnan: Dār al-Kitāb al-'Alamiy.
- Al-Zuhailiy, Wahbah Ibn Mustafa. (1991) *Al-Tafsir al-Munir fi al-Aqidah wa al-Syariah wa al-Manhaj*. Damascus: Dar al-Fikr al-Mua'sir.
- Asmah Haji Omar. 2007. *Kesantunan Bahasa dalam Pengurusan Pentadbiran dan Media*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan, 2007. *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brown, Penelope & Stephen C. Levinson, 1978. "Universals in Language Usage: Politeness Phenomena" dlm. Esther N. Goody (ed.) *Question and Politeness*.

- Cook, B. G. (2002). Inclusive attitudes, strengths, and weaknesses of preservice general educators enrolled in a curriculum infusion teacher preparation program. *Teacher Education and Special Education*, 25, 262-277.
- Fraser, B., 1990. "Perspectives on Politeness". *Jornal of Pragmatics*, 14:219-236
- Goffman, Erving. 1955. On face Work: An Analysis of Ritual Elements in Social Interaction. *Psychiatry*, 18, 23-321.
- Grice, Paul. H. 1975. "*Logic and Conversation*". Dalam Cole, P., & Morgan, J. *Syntax and Semantics: Speech Acts*. New York: Academic Press, 41-58.
- Gunarhadi, Mustapa Kassim & Abdull Sukor Shaari. (2014). The impact of quantum teaching strategy on student academic achievements and selfesteem in inclusive schools. *Malaysian Journal of Learning and Instruction: Vol. 11. 191-205.*
- Hamka. (2003). *Lembaga Budi, Perhiasan Insan Cemerlang*. Selangor: Pustaka Dini.
- Ibnu Kathir, al-Hafiz Abi Fida` Isma'il. (1999). *Tafsir Al-Quran al-'Azim*. Beirut, Lubnan: Dar al-Ma'rifat.
- Lakorf, R., 1975. *Language and Woman's Place*. New York: Harper and Row.
- Leech, Geoffrey, N. 1983. *Principles of Pragmatics*. London: Longman.
- Mahmud al-Mishri. (2009). *Ensiklopedia Akhlak Muhammad SAW*. Jakarta: Pena Budi Aksara.
- Marlyna Maros, Mohammad Fadzeli Jaafar, Maslida Yusof. (2012). *Kesantunan Berbahasa dari Segi Teori dan Aplikasi, dalam Prinsip dan Aplikasi Kesantunan Berbahasa*. Penyunting: Marlyna Maros, Mohammad Fadzeli Jaafar, Maslida Yusof. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mat Zaini Abdullah, Rafisah Osman & Fauziah Md. Jaafar. (2016). Model motivasi kerja guru berdasarkan signifikasi tugas dan pengalaman psikologi. *Malaysian Journal of Learning and Instruction: Vol. 13 No. 2, 253-286.*
- Matsumoto, Y. (1988). "*Reexamination of the Universality of Face*."
- Mohammad Fadzeli Jaafar. (1997). Kesantunan dalam Masyarakat Melayu, *Jurnal Dewan Bahasa, Jld. 41(4), hlm. 292-298.*
- Mohd Nazeli Bin Ahmad. (2009). *Prinsip-prinsip Al-Quran Tentang Kesantunan Bahasa*. Pelita Bahasa. Disember DBP: Kuala Lumpur.
- Mohd Syukri Hanafi. (2012). *Tasawwur Pembangunan Dalam Al-Quran: Kajian Tafsir Mawdu'iy*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.
- Munif Zariruddin Fikri Nordin (2012). *Analisis Wacana Prinsip kesantunan Berbahasa dalam Al-Quran dan Hadis dalam Prinsip dan Aplikasi Kesantunan Berbahasa*, Penyunting Marylyna Maros, Mohammad Fadzeli Jaafar & Maslida Yusof. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norazlinda Saad & Surendran Sankaran. (2013). Pengaruh Sikap Guru Terhadap Pembuatan Keputusan ke atas Komitmen Guru di Sekolah: Galakan Pengetua Sebagai Perantara.

Malaysian Journal of Learning and Instruction: Vol. 10, 271-294.

- Noriati A. Rashid. (2004). *Kesantunan Orang Melayu dalam Majlis Pertunangan*. Tesis PhD Akademi Pengajian Melayu. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Noriati A. Rashid. (2007). *Edisi Kedua: Kesantunan Orang Melayu dalam Majlis Pertunangan*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Noriati A. Rashid. (2012). *Kesantunan-Menyingskap Konsep melalui Model-modelnya dalam Prinsip dan Aplikasi Kesantunan Berbahasa*. Penyunting: Marlyna Maros, Mohammad Fadzeli Jaafar dan Maslida Jaafar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nuraini Fatimah dan Zainal Arifin. (2014). Strategi Ketidaksantunan Culpeper dalam Berbahasa Lisan di Sekolah. *publikasiilmiah.ums.ac.id*.
- Praptomo Baryadi. (2012). Ketidaksantunan Berbahasa dan Dampaknya dalam Pembentukan Karakter. *publikasiilmiah.ums.ac.id*.
- Tantawi, Muhammad Sayyid. (1997). *Al-Tafsir al-Wasit Li Al-Quran al-Karim*. Kaherah: Dar Nahdah Mesir Li al-Taba`ah.
- Watts, R. J., 1989. *Relevance and Relational Work: Linguistic Politeness as Politic Behavior*. *Multilingua*, 8,131-166.
- Za`ba, 1950. *Malay Manners and Etiquette*. JMBRAS, Jil, xxiii
- Zaharah Hussin. 2005. *Mendidik Generasi Berakhlak Mulia: Fokus Peranan Guru Pendidikan Islam*. Masalah Pendidikan, Universiti Malaya, 79-95